



# LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

Malaysian Palm Oil Board (MPOB)

[www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan untuk berkhidmat di Lembaga Minyak Sawit Malaysia bagi jawatan-jawatan seperti berikut:

A.	JAWATAN	GRED	GAJI	
			MINIMUM (RM)	MAKSIMUM (RM)
1.	PEGAWAI PENYELIDIK	Q41- Q53	2,146.00	11,968.00
2.	PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	F41/F48	2,146.00	10,681.00
3.	PEGAWAI TADBIR	N41	1,911.00	8,646.00
4.	PENOLONG JURUTERA	JA29	1,418.00	5,121.00
5.	JURUFOTOGRAFI	B27	1,368.00	5,099.00
6.	PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK	Q27	1,365.00	5,096.00
7.	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	N27	1,362.00	5,092.00
8.	SETIAUSAHA PEJABAT	N27/N32	1,362.00	5,636.00
9.	PEMBANTU PENYELIDIK	Q17	931.00	3,379.00
10.	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)	N17	928.00	3,375.00
11.	PEMANDU KENDERAAN	H11	837.00	2,619.00
12.	PEMBANTU AWAM	H11	837.00	2,619.00

## B. GAJI DAN ELAUN

Penetapan gaji permulaan : Berasaskan kelayakan, pengalaman dan kemahiran calon.

Elaun : Seperti berikut:

ELAUN/RM	GRED							
	Q53	Q51	Q47	Q43	Q41/ F41/ N41	JA29/ Q27/ N27/ B27	Q17/ /N17	N11/ H11
Imbuhan Tetap Keraian	800	600	550	400	-	-	-	-
Imbuhan Tetap Perumahan	900	700	700	400	300	300	300	300
Imbuhan Tetap Khidmat Awam	-	-	-	-	300	160	115	95

Bantuan Sara Hidup (**COLA**) : RM150 – RM300 (Tertakluk kepada penempatan)

Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (**BIPK**) sebanyak 5% daripada gaji pokok bagi jawatan Pegawai Penyelidik

### C. KEKOSONGAN

JAWATAN / GRED	BAHAGIAN	UNIT
Pegawai Penyelidik /Q41-Q53	Pejabat Ketua Pengarah	Pelestarian, Pemuliharaan & Pensijilan
Pegawai Penyelidik /Q41-Q53	Penyelidikan Biologi	Entomologi & Mikrobiologi Gunaan
Pegawai Penyelidik /Q41-Q53	Penyelidikan Biologi	Agronomi & Teknologi Geospasial
Pegawai Penyelidik /Q41-Q53	Penyelidikan Biologi	Institut Penyelidikan Gambut Tropika (TROPI)
Pegawai Penyelidik /Q41-Q53	Penyelidikan Biologi	Mekanisasi Ladang
Pegawai Penyelidik /Q41-Q53	Penyelidikan Integrasi & Pengembangan	Integrasi Tanaman & Ternakan
Pegawai Penyelidik /Q41-Q53	Penyelidikan Kemajuan Bioteknologi & Biakbaka	Biakbaka & Kultur Tisu
Pegawai Penyelidik /Q41-Q53	Penyelidikan Kejuruteraan & Pemprosesan	Pejabat Pengarah Bahagian
Pegawai Penyelidik /Q41-Q53	Penyelidikan Kejuruteraan & Pemprosesan	Teknologi Biomas
Pegawai Penyelidik /Q41-Q53	Penyelidikan Pembangunan Produk & Khidmat Nasihat	Analitikal & Pembangunan Kualiti
Pegawai Penyelidik /Q41-Q53	Penyelidikan Pembangunan Produk & Khidmat Nasihat	Khidmat Nasihat Teknikal
Pegawai Penyelidik /Q41-Q53	Penyelidikan Pembangunan Produk & Khidmat Nasihat	Protin & Teknologi Makanan
Pegawai Penyelidik /Q41-Q53	Penyelidikan Kemajuan Teknologi Oleokimia	Pembangunan Produk Pengguna (CPD)
Pegawai Penyelidik /Q41-Q53	Penyelidikan Kemajuan Teknologi Oleokimia	Kualiti & Penilaian Sekitaran (QEA)
Pegawai Penyelidik /Q41-Q53	Penyelidikan Kemajuan Teknologi Oleokimia	Sintesis & Pembangunan Produk (SPD)
Pegawai Penyelidik /Q41-Q53	Ekonomi & Pembangunan Industri	Tekno-Ekonomi
Pegawai Penyelidik /Q41-Q53	Ekonomi & Pembangunan Industri	Statistik
Pegawai Teknologi Maklumat / (F41/F48)	Teknologi Maklumat & Khidmat Korporat	Khidmat Komputer & Multimedia
Pegawai Tadbir /N41	Pelesenan & Penguatkuasaan	Pejabat Pengarah Bahagian
Pegawai Tadbir /N41	Pelesenan & Penguatkuasaan	Pendakwaan & Gubalan
Pegawai Tadbir /N41	Pelesenan & Penguatkuasaan	Pelesenan
Pegawai Tadbir /N41	Pelesenan & Penguatkuasaan	Kawalan Mutu
Pegawai Tadbir /N41	Penyelidikan Ekonomi Pembangunan Industri	Pembangunan Perdagangan
Pegawai Tadbir /N41	Pengurusan Kewangan & Pembangunan	Kewangan & Perolehan
Pegawai Tadbir /N41	Teknologi Maklumat & Khidmat Korporat	Penerbitan

JAWATAN / GRED	BAHAGIAN	UNIT
Penolong Jurutera / JA29	Pengurusan Kewangan & Pembangunan	Pembangunan & Penyelenggaraan & Infrastruktur
Jurufotografi / B27	Teknologi Maklumat & Khidmat Korporat	Penerbitan
Penolong Pegawai Penyelidik / Q27	Pengurusan Kewangan & Pembangunan	Pengurusan Perladangan & Benih
Penolong Pegawai Penyelidik / Q27	Penyelidikan Pembangunan Produk & Khidmat Nasihat	Pemakanan
Penolong Pegawai Penyelidik / Q27	Penyelidikan Kejuruteraan & Pemprosesan	Tenaga & Persekitaran
Penolong Pegawai Penyelidik / Q27	Penyelidikan Biologi	Genoderma & Penyakit Sawit
Penolong Pegawai Penyelidik / Q27	Penyelidikan Biologi	Mekanisasi Ladang
Penolong Pegawai Tadbir / N27	Pejabat Ketua Pengarah	Pembangunan Insan & Pengurusan Persidangan
Penolong Pegawai Tadbir / N27	Penyelidikan Ekonomi & Pembangunan Industri	Pembangunan Industri
Penolong Pegawai Tadbir / N27	Pelesenan & Penguatkuasaan	Pejabat MPOB Wilayah Tengah
Penolong Pegawai Tadbir / N27	Pelesenan & Penguatkuasaan	Pelesenan
Penolong Pegawai Tadbir / N27	Pelesenan & Penguatkuasaan	Pelesenan & Penguatkuasaan
Setiausaha Pejabat/ (N27/N32)	Penyelidikan Pembangunan Produk & Khidmat Nasihat	Khidmat Nasihat Teknikal
Setiausaha Pejabat/ (N27/N32)	Pejabat Ketua Pengarah	Pejabat Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan)
Pembantu Penyelidik / Q17	Penyelidikan Biologi	Agronomi & Teknologi Geospasial
Pembantu Penyelidik / Q17	Penyelidikan Biologi	Ganoderma & penyakit Sawit
Pembantu Penyelidik / Q17	Penyelidikan Kejuruteraan & Pemprosesan	Pengilangan & pemprosesan
Pembantu Penyelidik / Q17	Teknologi Maklumat & Khidmat Korporat	Khidmat Komputer & Multimedia
Pembantu Tadbir (P/O) / N17	Ekonomi dan Pembangunan Industri	Pembangunan Industri
Pembantu Tadbir (P/O) / N17	Pengurusan Kewangan & Pembangunan	Kewangan & Perolehan
Pembantu Tadbir (P/O) / N17	Pengurusan Kewangan & Pembangunan	Pengurusan Perladangan & Benih
Pembantu Tadbir (P/O) / N17	Pelesenan & Penguatkuasaan	Pelesenan
Pemandu Kenderaan / H11	Pengurusan Kewangan & Pembangunan	Pejabat Am
Pemandu Kenderaan / H11	Penyelidikan Biologi	Pejabat Am
Pemandu Kenderaan / H11	Pelesenan & Penguatkuasaan	Pejabat Wilayah Tengah
Pemandu Kenderaan / H11	Penyelidikan Integrasi & Pengembangan	Pelaksanaan Projek
Pembantu Awam / H11	Pengurusan Kewangan & Pembangunan	Pengurusan Perladangan & Benih

JAWATAN / GRED	BAHAGIAN	UNIT
Pembantu Awam /H11	Kemajuan Bioteknologi & Biakbaka	Biakbaka & Tisu Kultur

#### D. KELAYAKAN / PENGALAMAN BEKERJA

##### JAWATAN 1 – PEGAWAI PENYELIDIK

###### Kelayakan:

Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Doktor Perubatan Veterinar, Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang sains, pertanian, perikanan, kejuruteraan atau bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Calon berkelayakan dan berpengalaman yang berjaya akan ditawarkan pada gred yang lebih tinggi mengikut Kesesuaian).

###### PEJABAT KETUA PENGARAH

- **Pelestarian, Pemuliharaan & Pensijilan**

###### Bidang Pengkhususan

Kimia / Sains Persekitaran / Pertanian / Agronomi / Pengurusan Ladang / Perniagaan Tani/Kejututeraan Kimia /Kejuruteraan Mekanikal

###### Keutamaan

(i) Memiliki MSc atau PhD, berpengalaman sekurang-kurangnya 10 tahun dalam bidang perladangan atau kilang sawit atau kilang penapisan minyak sawit atau oleokimia.

(ii) Mempunyai pengalaman melaksanakan atau mengaudit QMS ISO 9001, OHSAS 18001, ISO 14001, FSMS 22001, RSPO dan /atau ISCC.

(iii) Memahami Akta-akta dan peraturan-peraturan seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling dan Peraturan, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Peraturan, Akta Makanan dan Peraturan, Akta Kilang dan Jentera dan Peraturan dan lain-lain.

(iv) Pengetahuan dan pengalaman dalam Penilaian Impak Alam Sekeliling dan ISO17021 adalah satu kelebihan.

(v) Boleh membuat budgeting dan merangka KPI, biasa mengawalselia 20 - 30 orang kakitangan serta fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris

###### Pengkhususan

Kejuruteraan Mekanikal/Kejuruteraan Kimia

###### Keutamaan

Memiliki PhD dan keutamaan kepada calon yang berpengalaman di kilang sawit atau kilang .

##### BAHAGIAN PENYELIDIKAN BIOLOGI

- **Unit Entomologi & Mikrobiologi Gunaan**



### **Bidang Pengkhususan**

Bioinformatik/Mikrobiologi / Biodiversiti

#### **Keutamaan:**

Memiliki PhD, berkebolehan dalam mengendalikan memproses data bioinformatik, bertanggungjawab dalam mengedalikan projek penyelidikan berkaitan dengan biodiversiti & peranan mikrob, next generation sequencing menggunakan platform 454 & Illumina. Berkebolehan menjalankan kerja secara berdikari dan berkumpulan. Calon mestilah fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

- **Unit Agronomi & Teknologi Geospasial**

### **Bidang Pengkhususan**

Pertanian / Pengurusan Ladang / Bio-Industri

#### **Keutamaan:**

Memiliki PhD dan berpengalaman dalam menguruskan hasil-hasil pertanian seperti buah sawit dan input pertanian.

- **Institusi Penyelidikan Gambut Tropika -TROPI**

#### **Pengkhususan:**

Analisa Kimia / Pertanian / Alam Sekitar / Fizik / Matematik / Biogeochemistry / Ecophysiology / Metreology / Kejuruteraan Alam Sekitar

#### **Keutamaan:**

Memiliki PhD dalam bidang kimia / Pertanian / Alam sekitar / Fizik / Matematik / Biogeochemistry / Ecophysiology / Metreology atau bidang-bidang yang berkaitan dari universiti yang diiktiraf oleh kerajaan. Keutamaan kepada calon yang memiliki PhD, mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 1-2 tahun dalam penyelidikan seperti perkara di atas dan mempunyai kelebihan dalam teknik analisa tanah gambut, gas rumah hijau, kitaran karbon / nitrogen, land-atmospheric interaction dan sebagainya yang berkaitan. Calon dengan kemahiran statistik dan fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris juga diutamakan.

- **Unit Mekanisasi Ladang**

#### **Pengkhususan:**

Kejuruteraan Mekanikal Pertanian/Kejuruteraan Bio-Pertanian

#### **Keutamaan**

Calon mestilah berpengetahuan dalam pengurusan bengkel, jentera dan alatan pertanian dan baikpulih enjin. Mempunyai pengetahuan asas yang kuat dalam teori dan praktikal berkaitan enjin disel dan petrol, dua dan empat lejang adalah dimestikan. Berpengalaman dalam perkara diatas antara dua atau tiga tahun mempunyai kelebihan untuk dipertimbangkan.

### **BAHAGIAN PENYELIDIKAN INTEGRASI & PENGEMBANGAN**

- **Unit Integrasi Tanaman & Ternakan**

#### **Bidang Pengkhususan:**

Sains Pertanian/ Agronomi/ Pengurusan Ladang/ Bioindustri/ Sains Tanah

## **Keutamaan**

Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai pengetahuan asas mengenai agronomi tanaman sagu. Bertanggungjawab mengendalikan projek penyelidikan sagu berkaitan keperluan nutrien sagu di tanah organik ke arah penambahbaikan teknologi penanaman sagu di tanah organik. Memantau kerja-kerja pengumpulan dan analisis data dari plot eksperimen sagu. Memperbaiki tatacara pengumpulan data dari masa ke masa. Berupaya mengesyorkan penggunaan jentera yang sesuai untuk pengurusan sagu di tanah organik.

## **BAHAGIAN KEMAJUAN BIOTEKNOLOGI & BIAKBAKA**

- **Unit Biakbaka & Kultur Tisu**

### **Bidang Pengkhususan**

Biakbaka Tumbuhan/Genetik Tumbuhan, Pertanian, Bioindustri, Biometrik dan Statistik

### **Keutamaan:**

Berpengalaman menjalankan projek berkaitan biakbaka tumbuhan dan penggunaan perisian SAS/SPSS/Minitab. Bertanggungjawab mengendalikan projek penyelidikan berkaitan dengan bidang biakbaka kelapa sawit kearah penambahbaikan hasil serta membangunkan ciri ekonomi yang lain. Merancang program kacukan serta rekabentuk eksperimen, ujian progeni dan memantau aktiviti biakbaka kelapa sawit. Memantau kerja-kerja mengumpul dan analisis data dari plot eksperimen kelapa sawit. Memperbaiki tatacara pengumpulan data dari masa kesemasa. Memantau aktiviti program biakbaka kelapa sawit.

## **BAHAGIAN PENYELIDIKAN KEJURUTERAAN & PEMROSESAN**

- **Pejabat Pengarah Bahagian**

### **Bidang Pengkhususan:**

Kimia / Kimia Gunaan / Kimia Analisis / Kimia Organik

### **Keutamaan:**

Calon mestilah mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang kimia, kimia gunaan, kimia analisis atau kimia organik dari universiti-universiti yang diiktiraf oleh kerajaan. Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan industri minyak dan lemak, fitonutrien, sumber tenaga dan bahan api serta berkebolehan untuk mengendalikan peralatan-peralatan makmal seperti HPLC, GC, dan analisis-analisis pencirian bahan api. Calon mestilah mempunyai sifat-sifat kepimpinan dan kemahiran komunikasi serta interpersonal yang baik. Calon mestilah fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

- **Unit Teknologi Biomas**

### **Bidang Pengkhususan:**

Kejuruteraan Kimia /Kejuruteraan Mekanikal /Kejuruteraan Bioproses /Kimia Gunaan /Kimia Analisis /Kimia Organik/Kejuruteraan Alam Sekitar

### **Keutamaan:**

Mestilah mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Kejuruteraan Kimia/ Kejuruteraan Mekanikal/ Kimia Gunaan/ Kimia Analisis /Kimia Organik/ Kejuruteraan Alam Sekitar/ Kejuruteraan Bioproses dari Universiti-universiti yang diiktiraf oleh kerajaan. Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang penyelidikan pengilangan sawit, sisa buangan sawit dan pembangunan industri minyak dan lemak, fitonutrien, sumber tenaga dan bahan api serta

berkebolehan untuk mengendalikan peralatan-peralatan makmal seperti HPLC, GC dan analisis- analisis pencirian bahan api. Calon mestilah mempunyai sifat-sifat kepimpinan dan kemahiran komunikasi serta interpersonal yang baik. Calon mestilah fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

## **BAHAGIAN PEMBANGUNAN PRODUK & KHIDMAT NASIHAT**

- **Unit Analitikal & Pembangunan Kualiti**

### **Bidang Pengkhususan**

Kimia Analitikal / Kimia Organik / Teknologi Minyak dan Lemak / Kimia / Kimia Proses Enzim

### **Keutamaan**

Berpengalaman dalam bidang kimia minyak dan pemprosesan minyak/enzim. Calon mestilah fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan juga Inggeris. Kemahiran IT/komputer dan statistik dialu-alukan. Calon hendaklah mempunyai sikap positif, dedikasi, berdikari, pro-aktif, bertanggungjawab mempunyai kemahiran komunikasi dan interpersonal yang baik.

- **Unit Khidmat Nasihat Teknikal**

### **Bidang Pengkhususan:**

Teknologi Makanan / Kimia / Biokimia / Kejuruteraan Kimia atau Lelemak/Alam Sekitar

### **Keutamaan :**

- i) Calon mestilah mempunyai Ijazah Kedoktoran Falsafah (Ph.D) atau Ijazah Sarjana atau Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang sains dan keutamaan dalam bidang Teknologi Makanan/Kimia/Biokimia/Kejuruteraan Kimia Atau Lelemak dan Alam Sekitar;
  - (ii) Calon mestilah mempunyai sifat-sifat kepimpinan dan kemahiran komunikasi serta interpersonal yang baik dan boleh bekerja dengan pengawasan yang minima (independently)
  - (iii) Keutamaan juga akan diberikan kepada calon-calon yang pernah berkhidmat di dalam industri yang berkaitan,
  - (iv) Bertanggungjawab meningkatkan penggunaan produk minyak sawit di luar negara dan merancang/melaksanakan program,
  - (v) Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman di dalam bidang pemasaran dan promosi teknikal (marketing & technical promotion experiance),
  - (vi) Keutamaan akan diberikan kepada calon yang fasih bertutur dan menulis di dalam Bahasa Inggeris,
  - (vii) Bagi jawatan Pegawai Penyelidik yang akan ditugaskan untuk membantu tugas-tugas Pengurus Wilayah Timur Jauh (Shanghai), selain daripada syarat-syarat di atas, calon-calon juga mestilah fasih bertutur, membaca dan menulis di dalam Bahasa Mandarin.
- **Unit Protin & Teknologi Makanan**

### **Bidang Pengkhususan :**

Sains & Teknologi Makanan / Sains BioKimia & Proses / Sains Makanan & Pemakanan

**Keutamaan :**

Memiliki PhD, berpengalaman, berpengetahuan tinggi dalam bidang berkaitan proses modifikasi lemak dan minyak seperti interesterifikasi (interesterification) samada secara kimia atau berenzim, penulinan (refining) dan pemeringkatan (*fractionation*), pengetahuan dalam bidang Pemakanan (Nutrition). Berpengetahuan dalam bidang kajian dan analisis saintifik asas ke atas minyak dan lemak serta mampu dan mahir mengendalikan instrument asas dalam analisis lemak dan minyak seperti HPLC, DSC, GC adalah keutamaan. Calon mestilah mempunyai sifat-sifat kepimpinan dan kemahiran komunikasi lisan dan penulisan saintifik serta berpenampilan diri yang baik. Mesti fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan juga Bahasa Inggeris bagi tujuan pembentangan teknikal dan penulisan saintifik. Calon hendaklah mempunyai sikap positif, dedikasi, berdikari, pro-aktif, bertanggungjawab mempunyai kemahiran komunikasi dan interpersonal yang baik.

**BAHAGIAN PENYELIDIKAN KEMAJUAN TEKNOLOGI OLEOKIMIA (AOTD)**

- **Unit Pembangunan Produk Pengguna (CPD)**

**Bidang Pengkhususan:**

Kimia Sintesis / Kimia Organik / Oleokimia

**Keutamaan:**

Memiliki MSc atau PhD, berkebolehan melakukan penyelidikan dan menganalisa data serta menyediakan laporan ilmiah/penulisan jurnal berwasit. Calon mestilah mempunyai pengetahuan dalam bidang oleokimia dan analisis kimia serta berkebolehan untuk mengendalikan peralatan makmal seperti HPLC, GC, FTIR dan lain-lain analisis pencirian bahan atau produk. Calon mestilah mempunyai kemahiran berkomunikasi dan interpersonal yang baik serta fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Calon dengan kemahiran IT dan statistik seperti SPSS diutamakan.

- **Unit Kualiti & Penilaian Sekitaran (QEA)**

**Bidang Pengkhususan:**

Kimia Alam Sekitar / Kimia Analisis / Biokimia / Kimia

**Keutamaan:**

Memiliki MSc atau PhD, berpengalaman dan pengetahuan dalam bidang analisis kimia sekitar dan sistem kualiti makmal (ISO 17025 atau GLP) serta berkebolehan untuk mengendalikan peralatan makmal seperti HPLC, GC, TOC dan lain-lain dan analisis pencirian produk. Calon juga mesti berkebolehan dan berminat melakukan penyelidikan, mempunyai kebolehan menganalisa data dan boleh menyediakan laporan saintifik. Calon mestilah mempunyai kemahiran berkomunikasi dan interpersonal yang baik serta fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Calon dengan kemahiran IT dan statistik seperti SPSS diutamakan.

- **Unit Sintesis & Pembangunan Produk (SPD)**

**Bidang Pengkhususan:**

Kejuruteraan Kimia / Kimia Organik

**Keutamaan:**

Memiliki MSc atau PhD, berpengalaman dan pengetahuan dalam bidang kimia organik dan kejuruteraan kimia. Calon mesti berminat dalam bidang penyelidikan, mempunyai kebolehan menganalisa data dan boleh menyediakan laporan saintifik. Calon mestilah mempunyai kemahiran berkomunikasi dan interpersonal yang



baik serta fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Calon juga mestilah mempunyai sifat kepimpinan, pro-aktif, berdedikasi, berdikari dan bertanggungjawab.

## BAHAGIAN EKONOMI DAN PEMBANGUNAN INDUSTRI

### JAWATAN - PEGAWAI PENYELIDIK

- **Unit Tekno-Ekonomi**

**Pengkhususan:**

Perdagangan Antarabangsa / Ekonomi Pertanian / Pemasaran / Pentadbiran Perniagaan

**Keutamaan:**

Memiliki PhD serta berpengalaman **dalam analisa ekonometrik dan peramalan [forecasting]** akan diberi keutamaan dan mestilah fasih bertutur dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Berpengalaman mengenai analisa ekonomi dengan menggunakan komputer.

- **Unit Tekno-Ekonomi**

**Pengkhususan:**

Perdagangan Antarabangsa / Ekonomi Pertanian / Pemasaran / Pentadbiran Perniagaan

**Keutamaan:**

Memiliki PhD serta berpengalaman **dalam analisa ekonometrik dan peramalan [forecasting]** akan diberi keutamaan dan mestilah fasih bertutur dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Berpengalaman mengenai analisa ekonomi dengan menggunakan komputer

- **Unit Statistik**

**Pengkhususan:**

Sains Komputer & Teknologi Maklumat / Pembangunan Sistem Aplikasi Web/Sistem Maklumat

**Kelayakan**

Ijazah Sarjana Muda dalam Bidang Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (Pengkhususan Sistem Komputer atau Sistem Maklumat) atau Ijazah Sarjana Muda dalam Bidang Kejuruteraan Perisian

**Keutamaan**

Calon yang berpengalaman dalam pembangunan aplikasi komputer dan perisian akan diberikan keutamaan. Calon mestilah fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

### JAWATAN 2 – PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT

## BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KHIDMAT KORPORAT

- **Unit Khidmat Komputer dan Multimedia**

**Kelayakan:**

- (i) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

- (ii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- (iii) Ijazah Sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**Keutamaan:**

Calon yang berpengalaman dalam mengendalikan penyelenggaraan Pusat Data dan Pelayan, Rangkaian serta Pembangunan Sistem Aplikasi akan diberi keutamaan.

### **JAWATAN 3 - PEGAWAI TADBIR**

**Kelayakan :**

Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) atau Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada Institusi-Institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf dengannya oleh kerajaan.

#### **BAHAGIAN PELESENAN & PENGUATKUASAAN**

- **Pejabat Pengarah Bahagian**
- **Unit Pendakwaan & Gubalan**
- **Pelesenan & Penguatkuasaan**
- **Unit Kawalan Mutu**

**Bidang Pengkhususan**

Pembangunan Sumber Manusia, Pembangunan Manusia, Pentadbiran Awam, Sains Pengurusan, Perntadbiran Perniagaan dan Undang-Undang.

**Keutamaan:**

Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta bersedia bertugas di luar pejabat.

#### **BAHAGIAN EKONOMI & PEMBANGUNAN INDUSTRI**

- **Unit Pembangunan Perdagangan**

**Bidang Pengkhususan:**

Statistik / Ekonomi Pertanian / Pemasaran / Pentadbiran Perniagaan / Perdagangan Antarabangsa.

**Keutamaan:**

Calon yang berpengalaman akan diberikan keutamaan dan mestilah fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Berpengalaman mengenai analisa ekonomi dengan menggunakan komputer.

#### **BAHAGIAN KEWANGAN DAN PENGURUSAN**

- **Unit Kewangan & Perolehan**

**Bidang Pengkhususan**

Pentadbiran Awam, Perakaunan, Kewangan, Pembangunan Manusia, Sains Pengurusan dan Pentadbiran Perniagaan

**Keutamaan:**

Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta bersedia bertugas di luar pejabat.

- **Unit Penerbitan**

**Kelayakan:**

Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam mana-mana satu bidang Sains atau bidang komunikasi massa yang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**Bidang Pengkhususan**

Sains, Komunikasi Massa

**Keutamaan:**

Calon yang berpengalaman dalam bidang penulisan, penterjemahan dan penyuntingan bidang Sains akan diberikan keutamaan. Calon mestilah fasih dan selesa menulis dan bertutur dalam Bahasa Inggeris dan juga Bahasa Melayu. Calon hendaklah membawa bersama hasil kerja berkaitan semasa ditemuduga.

#### **JAWATAN 4 - PENOLONG JURUTERA**

##### **BAHAGIAN PENGURUSAN KEWANGAN & PEMBANGUNAN**

**Kelayakan:**

Diploma dalam bidang Jurukur Bangunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**Keutamaan :**

Calon yang mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman kerja dalam bidang berkaitan.

#### **JAWATAN 5 - JURUFOTOGRAFI**

**Kelayakan:**

- (i) Mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang fotografi dan/atau kamera filem serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan; atau
- (ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
- (iii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
- (iv) Diploma dalam bidang fotografi yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

#### **JAWATAN 6 - PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK**

**Kelayakan:**

- (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan mendapat prinsipal dalam subjek Matematik atau Ilmu Sains; atau  
**(Keutamaan akan diberi kepada calon yang mempunyai 5 Prinsipal).**
- (ii) Diploma dalam bidang Sains/Pertanian/Sains Pertanian/Pengurusan Ladang/Kimia Alam Sekitar/ Kimia Industri /Mikrobiologi/Kejuruteraan Mekanikal Pertanian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

#### **JAWATAN 7 - PENOLONG PEGAWAI TADBIR**

##### **Kelayakan:**

- (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau (Keutamaan akan diberi kepada calon yang mempunyai 5 Prinsipal).
- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
- (iii) Diploma dalam bidang Pentadbiran Awam / Pengurusan Perniagaan / Pengurusan Kewangan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi- institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

#### **JAWATAN 8 – SETIAUSAHA PEJABAT**

##### **Kelayakan:**

- (i) Diploma Sains Kesetiausahaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
- (ii) Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat daripada UiTM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- (iii) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

#### **JAWATAN 9 - PEMBANTU PENYELIDIK**

##### **Kelayakan:**

- (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
- (ii) Sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (iii) Sijil Institut Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

#### **JAWATAN 10 - PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)**

##### **Kelayakan:**

Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer dan/atau mengambil trengkas)

## JAWATAN 12 - PEMANDU KENDERAAN

### Kelayakan:

- (i) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- (ii) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
- (iii) Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

## JAWATAN 13 - PEMBANTU AWAM

### Kelayakan:

Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

### D. UMUR

Calon lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun hingga had umur pelantikan pada tarikh tutup iklan jawatan adalah seperti berikut;

- i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

### E. PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)

Bagi kakitangan Kerajaan/Badan-badan Berkanun Tempatan yang Lulus Peperiksaan Khas untuk Peningkatan Secara Lantikan (PSL) ke jawatan-jawatan yang berkenaan bolehlah memohon melalui Jabatan.

### F. KEPERLUAN BAHASA

#### Jawatan 1 - 2 & 6

Lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

#### Jawatan 3 - 5 & 7 - 10

Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

#### Jawatan 11 - 12



Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**G. PERMOHONAN**

- i) Permohonan hendaklah dikemukakan dengan menggunakan **borang secara online** yang boleh diperolehi dari **Laman Web MPOB di alamat:**
- ii) Pemohon **TIDAK PERLU MENGHANTAR** salinan sijil-sijil sehingga dihubungi untuk temuduga.
- iii) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **TIGA (3) bulan** dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonannya tidak berjaya.
- iv) Tarikh tutup iklan jawatan **pada 21 Disember 2015**